

Asimilasi Budaya Mualaf dengan Orang Melayu di Kelantan

Cultural Assimilation of New Convert with the Malay Community in Kelantan

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin (Pengarang Penghubung)

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +6010-424 1556 E-mel: ya_iman@yahoo.com

Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +6019-396 9000 E-mel: raza@ukm.edu.my

Abdul Ghafar Don

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +6019-331 6804 E-mel: a.g.don@ukm.edu.my

Siti Aishah Yahya

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +6017-952 9991 E-mel: sitiaishah85@ukm.edu.my

Abstrak

Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri di Malaysia yang didiami oleh majoriti komuniti Melayu Islam, selain turut dihuni oleh komuniti Cina, India dan Siam. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang asimilasi mualaf di Kelantan dengan meneliti elemen seperti penggunaan dialek, makanan, pakaian, nama panggilan, dan perkahwinan. Elemen-elemen ini memainkan peranan penting dalam membina hubungan sosial yang kukuh dan berfungsi sebagai medium dakwah yang efektif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan terhadap kajian terdahulu seperti artikel jurnal, tesis, dan dokumen berkaitan. Data kajian dianalisis secara tematik dengan membentuk tema-tema tertentu. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa asimilasi budaya bukan sahaja memperkuatkkan ikatan sosial, tetapi juga

menyumbang kepada keharmonian antara mualaf dan masyarakat Melayu di Kelantan. Penyesuaian corak hidup antara budaya Melayu ini, membolehkan golongan mualaf dapat hidup dalam keadaan harmoni dan selesa dalam masyarakat. Implikasi kajian menunjukkan golongan mualaf di negeri Kelantan dapat mengamalkan budaya Melayu. Kajian ini juga mencadangkan agar elemen-elemen budaya tempatan terus diintegrasikan dalam strategi dakwah, dengan memberi tumpuan kepada pengembangan program bimbingan mualaf, meningkatkan penglibatan komuniti dalam aktiviti silang budaya, serta menyediakan sokongan berterusan untuk memudahkan proses asimilasi mereka. Pendekatan ini dijangka dapat memperkuatkkan perpaduan sosial dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Kelantan, serta memberi impak positif dalam proses dakwah.

Kata kunci: Asimilasi; Budaya; Saudara baru; Masyarakat; Melayu

Abstract

Kelantan is a state in Malaysia predominantly inhabited by the Malay Muslim community, alongside minority groups such as the Chinese, Indian, and Siamese communities. This study aims to discuss the cultural assimilation of Mualaf (New Converts) in Kelantan by examining elements such as the use of dialects, food, clothing, nickname, and marriage practices. These elements play a significant role in fostering strong social bonds and serve as an effective medium for Islamic da'wah (propagation). The study adopts a qualitative approach using content analysis of previous studies such as journals, theses, and other related documents. The data from the study were analysed thematically by forming specific themes. The findings reveal that cultural assimilation not only strengthens social cohesion but also contributes to harmony between converts and the Malay Muslim community in Kelantan. The adaptation to Malay cultural norms allows converts to live harmoniously and comfortably within the society. The study implies that converts in Kelantan can practice Malay cultural elements within the framework of Islamic principles. It also recommends the continued integration of local cultural elements into dakwah strategies, focusing on expanding guidance programs for converts, increasing community engagement in cross-cultural activities, and providing continuous support to facilitate their assimilation process. This approach is expected to enhance social cohesion and harmony within the Kelantanese community while positively impacting Islamic propagation efforts.

Keywords: Assimilation; Cultural; Converts; Community; Malay

Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang tipikal berbilang kaum dan agama mulai menerima budaya yang diamalkan dalam kehidupan harian (Zaid, 2013). Ini adalah contoh utama masyarakat berbilang kaum. Salah satu ciri cemerlang penduduknya yang berbilang etnik hari ini adalah campuran etnik yang sangat pelbagai. Kumpulan etnik Malaysia terdiri terutamanya daripada masyarakat Melayu, Cina dan masyarakat India. Oleh kerana sifat penduduk yang berbilang kaum, ia juga mempunyai pelbagai budaya, agama, norma sosial dan nilai-nilai. Ini menjadikan negara ini sebagai bidang yang kaya untuk mengkaji asimilasi pelbagai kumpulan etnik. Adalah penting untuk menghayati tahap asimilasi ini dalam konteks berbilang kaum seperti Malaysia bagi menjayakan pembangunan dasar-dasar yang dapat mengekalkan perpaduan dalam masyarakat (Don et al., 2012). Tanpa maklumat ini, negara akan menghadapi situasi bermasalah yang serius, berpunca daripada perasaan tidak puas hati antara semua kaum.

Zainudin & Abdullah (2019) menyatakan bahawa negeri Kelantan, terkenal dengan jolokan 'Serambi Mekah', bukan sahaja merupakan tempat tinggal majoriti masyarakat Melayu Islam, tetapi juga menjadi saksi kepada asimilasi budaya yang unik antara mualaf dan masyarakat tempatan di samping mempunyai penduduk majoriti yang beragama Islam. Kepelbagaiannya latar belakang dalam kalangan mualaf mewarnai keunikan hidup bermasyarakat yang harmoni. Hal ini demikian kerana rakyat Malaysia yang berbilang bangsa mempunyai etnik daripada kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli dan sebagainya sememangnya kaya dengan pelbagai budaya dan adat yang diamalkan oleh kaum-kaum tertentu. Hasil daripada interaksi yang positif antara mereka, maka sedikit sebanyak amalan dan budaya sesuatu kaum akan menyerap

masuk dan diamalkan oleh kaum yang lain sebagai satu entiti dalam kehidupan mereka sehari-hari. Dalam keadaan kepelbagaiannya ini, proses asimilasi budaya antara kumpulan majoriti dan minoriti memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian masyarakat.

Lazimnya, budaya masyarakat majoriti lebih mudah mempengaruhi kehidupan masyarakat minoriti dalam konteks amalan, budaya, adat dan sensitiviti agama. Dengan pertembungan antara adat, budaya dan agama dalam kehidupan bermasyarakat telah mempengaruhi berlakunya konversi agama. Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri di Malaysia yang didiami oleh majoriti komuniti Melayu Islam. Justeru, antara sebab yang mendorong kepada berlaku asimilasi budaya di kalangan masyarakat majmuk di Kelantan dan juga khas kepada saudara baru. Mereka mudah bergaul, makan bersama, bercakap dalam dialek Melayu Kelantan dan melakukan pelbagai aktiviti bersama masyarakat Melayu. Ini merupakan satu aspek yang dianggap unik kerana tahap asimilasi budaya yang ditunjukkan antara golongan mualaf dan masyarakat Islam di Kelantan adalah baik (Zainudin & Abdullah, 2019).

Hal ini apabila golongan mualaf memeluk Islam, secara tidak langsung, mereka perlu memahami dan menerima kebudayaan Melayu sedikit demi sedikit. Sememangnya, tidak semua orang yang lahir ke dunia ini berada dalam keluarga dan suasana Islam, terdapat juga segelintir individu yang terpaksa mencari hidayah dan ajaran agama untuk pegangan hidup mereka. Golongan ini dipanggil mualaf, iaitu istilah yang biasanya digunakan untuk golongan yang baharu sahaja memeluk agama Islam atau individu bukan Islam yang ter dorong untuk memahami dan mendalami agama Islam. Mereka ini merupakan golongan yang sangat istimewa dan suci daripada dosa kerana apabila pertama kali bergelar mualaf, mereka

diumpamakan seolah-olah dilahirkan semula sebagai bayi yang suci daripada noda dan dosa dunia. Tambahan pula, berlaku penukaran agama disebabkan atas faktor pergaulan dengan rakan-rakan yang berlainan agama, perkahwinan dan dorongan keluarga. Memandangkan perkembangan yang positif asimilasi budaya di Kelantan, kajian ini wajar diberi perhatian khusus untuk menyuburkan minat mualaf memahami dan menerima Islam sebagai pegangan agama. Proses asimilasi ini dijangka akan menyumbang kepada keharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk di negeri tersebut dan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain di Malaysia (Zamzuri & Osman, 2022).

Mualaf di Kelantan

Kelantan merupakan sebuah negeri di Malaysia yang terkenal dengan keunikan budaya dan cara hidup masyarakatnya. Keadaan ini telah membentuk interaksi sosial yang harmoni dan asimilasi budaya dalam kalangan komuniti. Keharmonian tersebut membuka ruang kepada bukan Islam untuk memeluk agama Islam tanpa paksaan. Menurut (Rosli, 2017; Zainudin & Abdullah, 2018) antara faktor utama yang menarik minat bukan Islam untuk memeluk Islam di Kelantan ialah keindahan ajaran Islam itu sendiri, teladan baik yang ditunjukkan oleh masyarakat Muslim tempatan, serta sokongan berterusan yang diberikan kepada mualaf oleh pelbagai pihak seperti Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA), Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) dan NGO lain. Menurut Marlon (2014) perbahasan mengenai pengertian perkataan mualaf dan panggilan lain yang biasa diguna pakai dalam masyarakat di Malaysia selain dari perkataan ini, ialah seperti ‘Saudara Baru’, ‘Saudara Muslim’ dan ‘Saudara Kita’.

Perkataan mualaf adalah bersumberkan daripada ayat 60, surah al-Taubah (9) yang maksudnya:

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekaan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban daripada Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha bijaksana”.

Menurut Razaleigh (2015); Azman et al., (2015) golongan yang berhak menerima zakat ialah fakir, miskin, amil-amil yang menguruskan, memerdekaan hamba, berhutang, fisabilillah, yang bermusafir dan terputus bekalan dan mualaf. Istilah mualaf sinonim diberikan kepada individu yang memeluk agama Islam daripada agama sebelumnya (Mohamed et al., 2017). Maka, daripada sudut bahasa perkataan mualaf bermaksud orang yang baru menganut Islam atau orang yang baru memeluk Islam.

Tambahan pula, sejarah membenarkan serta membuktikan teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang mencatatkan bahawa Islam diperkenalkan oleh para pendakwah yang terdiri dari Tanah Arab, Parsi, China dan India. Nyata sekali, penduduk dan komuniti tempatan juga berperanan dalam usaha menyebarkan Islam sama ada secara individu atau berkumpulan (Yahya, 1998). Harus diingati bahawa, kehadiran mualaf menuntut kepada kesepadan dan kesediaan dalam arus perkembangan dakwah Islam semasa yang perlu seimbang dengan peningkatan pemeluk Islam dan membentuk kualiti ummah yang cemerlang (Baharudin, 2015). Daripada sudut bahasa menurut Kamus Dewan (2002) menjelaskan perkataan mualaf sebagai orang-orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru.

Dalam konteks masyarakat di Malaysia, saudara kita yang terdiri daripada Cina,

India atau masyarakat lain sering dirujuk dan diistilahkan sebagai 'saudara kita' oleh masyarakat Islam amnya dan khasnya masyarakat Melayu (Puteh, 2002). Mualaf bermaksud orang-orang yang dipujuk atau dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap Islam atau orang-orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam (Kasimin, 1985).

Dalam konteks kajian ini yang dimaksudkan dengan mualaf ialah orang-orang yang telah terbuka hatinya untuk memeluk Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah, menerima bantuan dan zakat serta telah didaftarkan permohonan pengislamannya di Unit Dakwah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Justeru, di negeri Kelantan mereka yang baru memeluk Islam dan yang telah lama memeluk Islam digelar sebagai Saudara Baru. Mereka yang ingin memeluk Islam hendaklah berdaftar di Unit Dakwah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Unit Dakwah merupakan unit yang dikendalikan oleh Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan.

Unit ini merupakan unit yang menguruskan proses pengislamatan saudara kita, pendidikan, pengukuhan akidah, memberi khidmat nasihat, menjaga kebajikan dan memberikan pelbagai bantuan saudara kita. Berdasarkan data yang diperolehi dari Unit Dakwah, Jabatan Agama Islam Kelantan seramai 2123 saudara kita telah memeluk Islam dari tahun 2017- 2013. Data bagi tahun 2024 belum diperolehi kerana data tersebut masih dalam proses untuk dikemaskini. Berdasarkan Jadual 1, statistik golongan mualaf yang berada di Kelantan memperlihatkan peningkatan golongan mualaf yang memeluk agama Islam semakin meningkat dari tahun ke tahun bermula tahun 2017 hingga 2023.

Jadual 1: Statistik laporan pengislaman saudara baharu MAIK

No	Bangsa	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
1.	Kemboja	4	-	2	4	-	5	13
2.	Siam	7	2	2	6	7	6	6
3.	Iban	3	8	6	11	6	10	12
4.	Bidayuh	1	2	4	2	2	2	1
5.	Kadazan	2	2	1	3	1	1	1
6.	Jepun	1	-	1	-	-	-	-
7.	Myanmar	2	-	3	1	4	6	1
8.	Indonesia	6	2	2	2	1	2	1
9.	Thailand	8	9	12	8	2	5	11
10.	Cina	22	22	29	22	20	28	18
11.	Nepal	2	1	3	2	1	2	-
12.	Vietnam	1	-	13	4	9	4	15
13.	Dusun	2	2	1	4	3	3	4
14.	Murut	1	-	-	1	1	1	2
15.	Timor	1	-	-	-	-	-	-
16.	India	11	1	7	9	15	17	6
17.	Batak	1	-	-	-	1	-	-
18.	Lundayeh	1	-	-	-	1	-	-
19.	Lao	4	1	2	-	-	-	-
20.	Melanau	1	-	-	-	-	-	-
21.	British	1	1	-	-	-	1	2
22.	Bajau	1	-	-	-	-	-	-
23.	Penan	1	2	-	-	-	-	-
24.	Rungus	1	1	-	-	-	-	-
25.	Rusia	1	-	-	1	-	-	-
26.	Nigeria	1	-	2	-	-	-	-
27.	Filipina	8	3	1	1	1	-	2
28.	Laos	1	-	-	-	-	2	-
29.	Bangladesh	1	-	-	-	-	-	-
30.	Bisaya	-	1	1	-	-	-	-
31.	Sweden	-	1	-	-	-	-	2
32.	Dayak	-	1	-	-	-	-	-
33.	Australian	-	2	-	-	-	-	-
34.	Kayan	-	1	-	-	-	1	1
35.	Semai	-	1	-	-	-	-	-
36.	Orang Asli	170	199	179	124	189	369	264
37.	Korea	-	-	1	-	-	-	-
38.	Sri Langka	-	-	1	-	-	-	-
39.	Britain	-	-	1	-	-	1	-
40.	Amerika	-	-	1	-	-	2	1
41.	Iraq	-	-	1	-	-	-	-
42.	Chile	-	-	1	-	-	-	-
43.	Hungrian	-	-	1	-	-	-	-
44.	Eurasian	-	-	-	1	-	-	-
45.	Singh	-	-	-	1	-	1	-
46.	Inggeris	-	-	-	-	1	-	-
47.	Afrika	-	-	-	-	1	1	-
48.	Serian	-	-	-	-	-	1	-
49.	Punjabi	-	-	-	-	-	1	-
50.	Sungai	-	-	-	-	-	1	-
51.	Kenyah	-	-	-	-	-	-	1

52. Burma	-	-	-	-	-	-	1
53. Lunyawang	-	-	-	-	-	-	1
54. Belanda	-	-	-	-	-	-	1
55. Jerman	-	-	-	-	-	-	1
56. Ukraine	-	-	-	-	-	-	1
29. Lain-lain	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	267	263	278	207	266	473	369

Berdasarkan statistik ini, kajian berkaitan asimilasi budaya mualaf dengan Orang Melayu Kelantan wajar diberi perhatian yang khusus untuk menyuburkan dan menarik minat mualaf Kelantan memahami dan menerima Islam sebagai pegangan agama. Proses asimilasi budaya yang berlaku antara mualaf dan masyarakat Melayu di Kelantan bukan sahaja membantu saudara baru ini menyerap ke dalam cara hidup Islam, tetapi juga menyumbang kepada keharmonian dan toleransi antara penganut pelbagai agama di negeri ini. Ini adalah kerana apabila mualaf diterima sepenuhnya oleh komuniti Muslim sebagai sebahagian daripada mereka, ia menghantar mesej positif kepada komuniti bukan Muslim bahawa Islam adalah agama yang terbuka, inklusif dan saling menghormati.

Konsep Asimilasi

Istilah asimilasi berasal daripada perkataan Latin iaitu, *assimilare* yang bermaksud menjadi sama. Asimilasi merujuk kepada perubahan etnik yang hanya bersifat sehala (Chee Beng, 1983). Selain itu, asimilasi adalah proses di mana individu atau kumpulan daripada latar belakang budaya yang berbeza menyerap dan mengadaptasi ciri-ciri budaya kumpulan dominan, sehingga mereka kehilangan identiti asal mereka. Proses asimilasi berlaku apabila beberapa identiti etnik mengalami perubahan dan mungkin kehilangan identiti melalui proses asimilasi. Seterusnya asimilasi pula ialah satu proses penyerapan. Selalunya satu-satu masyarakat itu menyerap satu masyarakat lain ke dalam

budayanya sehingga mereka yang diserap itu akhirnya hilang identitinya sebagai satu kelompok atau budaya (Saat, 2023).

Rentetan daripada itu, Koentjaraningrat (1990), menjelaskan bahawa proses asimilasi berlaku sekiranya bilangan pensyaratannya telah dipenuhi. Pertama, adanya kelompok-kelompok manusia yang berlainan kebudayaannya. Kedua, individu-individu sebagai anggota kelompok itu saling berkomunikasi secara langsung dan intensif dalam waktu relatif yang lama. Ketiga kebudayaan-kebudayaan daripada kelompok manusia tersebut masing-masing berubah dan saling menyesuaikan diri. Tambahan pula asimilasi merujuk kepada satu proses penggabungan kebudayaan masyarakat yang berbeza-beza untuk membentuk satu kebudayaan serta identiti masyarakat yang baru dan boleh mendatangkan dua jenis implikasi yang berbeza. Malah melalui asimilasi proses percantuman dan penyatuan di antara etnik yang berbeza budaya berlaku sehingga menghasilkan satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang serupa dan sama. Kumpulan minoriti kehilangan identiti akibat diserap oleh kumpulan dominan daripada segi kebudayaan dan sosial.

Oleh yang demikian, asimilasi adalah satu proses percantuman antara budaya kelompok berlainan hingga membentuk satu budaya dan identiti yang sama apabila kumpulan minoriti kehilangan identiti kelompoknya dan diserap oleh kumpulan yang dominan (Alias et al., 2017; Fatah & Ashaari, 2020). Proses ini akan

memberikan kesan terhadap kelompok minoriti yang ada. Menurut Abdul Rahman et al. (2009) implikasi yang dapat dilihat daripada asimilasi yang pertama adalah apabila kelompok masyarakat yang diasimilasikan akan bertukar menjadi satu kelompok yang baru dengan menghapuskan kebudayaan serta identiti asalnya dan kedua, kelompok yang diasimilasikan akan mengamalkan kebudayaan baru yang dibentuk hasil daripada percantuman budaya antara kelompok dengan kebudayaan asalnya.

Asimilasi secara mutlak dan sempurna akan menyebabkan berlakunya penghapusan penuh serta perbezaan daripada segi kebudayaan dan identiti kepada kumpulan minoriti tersebut. Formula $(A+B+C=A)$ digunakan bagi menjelaskan konsep asimilasi ini (Alias et al., 2017). Oleh itu, proses asimilasi boleh berlaku apabila golongan minoriti bersedia untuk menyerap budaya golongan majoriti seterusnya golongan majoriti bersedia menerima golongan minoriti tersebut dan proses ini disebut sebagai asimilasi sehala.

Asimilasi Bahasa

Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga merupakan penanda identiti dan pemangkin dalam pembentukan hubungan sosial. Justeru, penguasaan bahasa Melayu loghat Kelantan memainkan peranan penting dalam memudahkan proses asimilasi mualaf dengan masyarakat tempatan. Apabila mualaf dapat berkomunikasi dengan fasih menggunakan dialek Kelantan, mereka lebih mudah diterima sebagai sebahagian daripada komuniti setempat. Hal ini turut disokong oleh Fasold (1984), dan Kartomihardji (1981) ketidaksesuaian pemilihan bahasa akan mengakibatkan pelbagai masalah sosial, budaya dan masalah persekitaran. Oleh yang demikian, penentuan pilihan bahasa yang tepat

mampu menjaga keharmonian dalam sesebuah komuniti khususnya melibatkan multi etnik. Penerimaan ini membuka peluang kepada mualaf untuk melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang disediakan oleh pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, pejabat agama, dan juga pertubuhan NGO. Sebagai contoh program gotong-royong yang dianjurkan oleh MACMA Kelantan seperti aktiviti kemasyarakatan gotong-royong. Aktiviti gotong-royong ini juga adalah asas untuk membina hubungan yang baik antara mereka. Sebagai contoh apabila mualaf fasih berbahasa Melayu loghat Kelantan, mereka dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan semasa aktiviti gotong-royong ini. Mereka boleh memahami arahan dan panduan yang diberikan oleh ahli-ahli jawatankuasa dengan lebih jelas (Rosli, 2016).

Kefasihan berbahasa Melayu juga membolehkan mualaf di Kelantan untuk terlibat secara aktif dalam majlis keramaian yang diadakan di kampung-kampung, seperti sambutan perayaan, pertandingan sukan dan lain-lain. Apabila mualaf dapat bertutur dalam loghat Kelantan dengan fasih, mereka lebih mudah berkomunikasi dan berinteraksi dengan penduduk kampung semasa acara-acara ini. Mereka boleh menyertai perbincangan, pertandingan, atau persembahan dengan lebih yakin, serta menjalankan persahabatan yang lebih erat dengan ahli masyarakat. Penglibatan aktif mualaf dalam majlis keramaian ini juga menunjukkan minat dan komitmen mereka untuk menjadi sebahagian daripada komuniti setempat, seterusnya mengukuhkan ikatan sosial antara mereka dan masyarakat Melayu. Ini dikukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Hamzah (2006) mendapati bahawa 20% pemelukan saudara baru di negeri Kelantan disebabkan oleh kerana faktor pergaulan dengan masyarakat tempatan khususnya orang-orang Melayu.

Percampuran dialek sedemikian disebabkan pergaulan sehari-hari dan perhubungan yang erat antara mualaf dan masyarakat setempat. Ini merupakan keunikan yang membezakan antara mualaf dengan masyarakat Melayu Kelantan. Malah mualaf di sana yang memeluk Islam tidak perlu untuk masuk Melayu disebabkan mereka sememangnya telah lama mengamalkan cara hidup seperti orang Melayu dan tiada masalah dalam pergaulan sehari-hari mereka antara mualaf dan masyarakat Melayu di Kelantan. Istilah masuk Melayu di sini merujuk kepada proses di mana seseorang individu, biasanya bukan Melayu, yang memeluk Islam, dianggap secara tidak langsung perlu mengasimilasikan diri dengan budaya, adat, dan gaya hidup orang Melayu. Singh (2001) pula berpendapat, memeluk Islam bermakna seseorang perlu mengamalkan adat dan budaya Melayu (masuk Melayu). Ini kerana memeluk Islam memerlukan seseorang meninggalkan adat dan budaya bangsanya dengan mengadaptasi budaya dan cara hidup Melayu (Ahmad, 2020). Oleh kerana pergaulan mereka yang begitu lama dengan orang Melayu, pertuturan mereka adalah adalah sama dengan orang Melayu Kelantan, baik daripada segi sebutan maupun daripada segi gaya bahasa yang digunakan.

Bahasa dialek ialah bahasa yang berlainan dengan Bahasa Melayu rasmi. Sebagai contohnya, "mu make gapo tu?" yang membawa maksud "kamu makan apa?" contoh-contoh lain seperti "kito" (kita), "demo" (awak), "ore" (orang) dan "gi mano" (pergi mana). Ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keunikan dialek Kelantan. Bahkan dalam pertuturan harian, golongan mualaf Kelantan biasanya mereka menggunakan dialek Melayu Kelantan. Kenyataan ini dikukuhkan dengan kajian yang dilakukan oleh Rosli (2016), Halim (2018), Zainudin & Abdullah (2019), apabila pengkaji

mendapati proses temu bual yang dilakukan kepada mualaf dijawab dalam bahasa Kelantan. Proses interaksi dan komunikasi yang digunakan oleh mereka secara keseluruhannya adalah dalam bahasa dialek Kelantan. Ini jelas membuktikan hubungan antara mualaf dengan masyarakat Melayu di Kelantan amat rapat. Mungkin ia dilihat pelik bagi masyarakat di negeri lain namun tidak bagi masyarakat Kelantan. Penggunaan dialek Kelantan ini adalah medium utama dalam menyatukan mereka. Apabila bertutur dengan 'loghat' tersebut, ia dapat mengeratkan rasa kekitaan dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

Selain itu, mereka juga terdedah dengan pengaruh unsur-unsur Islam terutama pengaruh Bahasa Arab dalam pertuturan sehari-hari dalam dialek Kelantan. Contohnya mereka juga boleh menyebut 'sa-le' atau salam, 'ba-la-sah' atau madrasah / surau, 'se-ma-ye' atau sembahyang dan sebagainya (Nor & Hasan, 2010). Tambahan pula, mualaf di Kelantan menghadiri kelas pembelajaran agama untuk memahami ajaran Islam dengan lebih baik (Halim, 2019; Mohamed et al., 2018). Kelas pengajian disediakan oleh pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, pejabat agama, dan juga pertubuhan NGO. Oleh kerana populasi mualaf di Kelantan tidak besar, maka mereka telah berasimilasi dan beradaptasi dengan masyarakat tempatan. Sebahagian besar mualaf yang tinggal di Kelantan menampilkan cara hidup kampung sebagaimana orang Melayu tempatan. Mereka bertutur dalam loghat Kelantan dan malah mereka juga berpakaian seperti mana orang Melayu tempatan (Ismail & Ahmad, 2009). Secara keseluruhannya, asimilasi bahasa membolehkan mualaf di Kelantan menghayati budaya tempatan, menyerap nilai-nilai Islam dan mengeratkan ikatan dengan masyarakat Melayu Islam setempat. Proses ini memerlukan kesungguhan,

sokongan masyarakat dan pendedahan berterusan.

Kesimpulannya, asimilasi daripada sudut bahasa membolehkan mualaf di Kelantan menghayati dialek, loghat dan gaya pertuturan masyarakat Melayu setempat dengan lebih mendalam. Ini memudahkan penyatuhan dan integrasi budaya antara kedua-dua komuniti tersebut. Apabila mualaf dapat berkomunikasi dengan berkesan menggunakan dialek Kelantan, mereka lebih mudah diterima sebagai sebahagian daripada komuniti setempat. Penglibatan aktif mereka dalam aktiviti-aktiviti ini seterusnya mengukuhkan ikatan sosial, mengeratkan perpaduan, dan mempercepatkan proses asimilasi antara mualaf dan masyarakat Melayu di Kelantan. Ini menunjukkan betapa pentingnya penguasaan bahasa Melayu loghat Kelantan dalam memudahkan integrasi mualaf dengan budaya dan cara hidup masyarakat tempatan.

Asimilasi Pakaian

Pengaruh hubungan antara orang Melayu dan mualaf juga boleh dilihat melalui budaya berpakaian dalam golongan mualaf Kelantan yang merupakan satu aspek yang menarik apabila memperkatakan cara hidup masyarakat ini. Asimilasi budaya daripada sudut pakaian dalam kalangan mualaf di Kelantan mencerminkan penyesuaian yang baik dengan gaya berpakaian masyarakat Melayu tempatan (Rosli, 2017). Proses asimilasi ini dapat dilihat melalui pelbagai peringkat kehidupan mereka. Pertama, dalam konteks aktiviti berunsur keagamaan seperti menghadiri kelas pengajian al-Quran, dan Kelas Mingguan Fardhu Ain atau aktiviti yang dijalankan oleh MAIK, PERKIM, IDIP, ABIM Islamic Outreach mualaf cenderung untuk memakai pakaian yang menyerupai masyarakat Melayu Kelantan. Contohnya, wanita mualaf akan mengenakan baju kurung tradisional lengkap dengan tudung serta mematuhi

adab berpakaian Islam. Malah dengan menonjolkan pakaian yang baik juga suatu ibadah yang berpanjangan pahalanya. Cara berpakaian mualaf banyak diadaptasi daripada budaya orang Melayu sehingga tidak nampak perbezaan yang ketara cara mereka berpakaian dengan masyarakat Melayu (Rosli, 2017).

Kedua, asimilasi dari sudut pakaian juga ketara dalam gaya berpakaian sehari-hari mualaf yang hampir serupa dengan masyarakat Melayu sekitarnya. Sebahagian besar mualaf lebih bersifat terbuka penerimaan pakaian masyarakat Melayu Kelantan sebagai satu perkongsian budaya yang tidak perlu dielakkan setelah memeluk Islam (Ahmad et al., 2011). Budaya pemakaian mereka telah bergerak seiring dengan arus pemodenan. Mereka juga turut mengenakan busana moden atau memakai seluar jeans, t-shirt, kemeja, skirt dan lain-lain. Namun, masih lagi mematuhi tataadab berpakaian sebagai seorang Muslim/Muslimah. Ketiga, dalam majlis rasmi atau keramaian, mualaf juga mengamalkan gaya berpakaian yang sama dengan orang Melayu di Kelantan. Golongan lelaki mualaf mengenakan baju Melayu atau kemeja dan berseluar panjang apabila menghadiri majlis rasmi ataupun keramaian. Jadi, jelas tergambar asimilasi budaya mualaf dari sudut pakaian telah berlaku secara meluas pada pelbagai peringkat kehidupan sehari-hari mereka. Ini memudahkan penyesuaian mualaf dalam masyarakat Melayu setempat sekali gus mengeratkan lagi hubungan dan integrasi dua komuniti tersebut. Dalam hal ini, menunjukkan betapa eratnya hubungan yang terjalin di antara masyarakat Melayu Kelantan dengan mualaf Kelantan.

Asimilasi Makanan

Asimilasi berlaku apabila individu menolak budaya minoriti mereka dan mengamalkan norma budaya dominan tuan rumah. Ia

mewujudkan identiti makanan baharu kerana ciri-ciri budaya etnik minoriti dipadamkan oleh budaya dominan atau berlaku perubahan dalam pengambilan makanan etnik minoriti dalam persekitaran budaya baharu tanpa menghapuskan identiti asal (Muhammad et al., 2016). Jalinan hubungan di antara mualaf dan masyarakat Melayu Kelantan juga dapat dilihat menerusi aspek makanan. Makanan bukan sekadar keperluan asas untuk manusia, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti budaya, mengeratkan ikatan sosial, dan menjadi wadah untuk perkongsian nilai antara masyarakat. Apabila mualaf di Kelantan menerima dan menghayati hidangan tempatan seperti nasi kerabu, nasi lemak, atau gulai, mereka bukan sahaja menikmati citarasa baharu, tetapi juga secara simboliknya menjadi sebahagian daripada budaya dan identiti masyarakat Melayu Kelantan. Rozin (2006) mengemukakan tiga komponen makanan tradisional Melayu yang membezakannya dengan etnik lain seperti Cina dan India iaitu (a) bahan utama, (b) prinsip rasa (serai, halia, cili, herba kering dan rempah) dan (c) kaedah memasak. Keaslian dan rasa sebenar masakan Melayu sangat bergantung kepada tiga elemen tersebut ditambah dengan asal usul etnik budaya. Bagi mualaf di Kelantan, penyesuaian dengan hidangan tempatan yang halal dan penyerapan adab makan Islam, seperti penggunaan tangan kanan dan membaca doa sebelum makan, merupakan sebahagian daripada proses asimilasi mereka dengan budaya Melayu Islam. Perubahan ini menunjukkan bahawa mereka sudah menyesuaikan diri dengan norma dan amalan masyarakat Melayu.

Asimilasi mualaf dengan masyarakat Melayu Kelantan melalui perkongsian citarasa dan amalan pemakanan bukan sahaja mengeratkan hubungan sosial antara mereka, tetapi juga menyumbang kepada

pembentukan identiti Malaysia yang lebih inklusif dan pelbagai. Ini membuktikan bahawa makanan mampu menjadi pemangkin perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia, tidak mengira kaum dan agama. Ini jelas membuktikan bahawa makanan mampu mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia tidak mengira kaum dan agama. Melalui cara ini, secara tidak langsung perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia dapat dibina. Perkongsian citarasa dan persamaan ini banyak menyumbang kepada hubungan persahabatan dan persaudaraan, seterusnya kepada keharmonian antara kaum di negara kita.

Asimilasi Nama Panggilan

Nama memainkan peranan yang sangat penting dalam proses asimilasi, terutamanya bagi mualaf Kelantan. Ini kerana nama bukan sahaja berfungsi sebagai penanda identiti individu, tetapi juga mencerminkan latar belakang budaya, agama, dan sejarah mereka. Selain itu, pemilihan nama juga mestilah membawa makna yang baik dan ia selari dengan Islam tanpa terikat dengan syarat yang khusus (Hamjah & Ismail, 2010; Rosli, 2016). Apabila seseorang mualaf mengambil nama yang berbunyi Melayu Kelantan, ia menandakan kesediaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan budaya dan masyarakat Melayu, serta menerima identiti baru mereka sebagai seorang Muslim. Nama merupakan satu aspek penting kepada identiti seseorang individu lebih-lebih lagi bagi negara Malaysia yang merupakan negara multi etnik. Nama yang ada dapat menonjolkan entisiti bagi seseorang individu seperti Melayu, Cina, India dan sebagainya. Selain itu, ramai yang percaya bahawa nama keluarga orang Melayu yang sering dipakai di Pantai Timur khasnya di Kelantan, Terengganu seperti ‘Wan’ dan ‘Nik’, menyerupai nama keluarga Cina ‘Wan’ dan ‘Nie’. Ada

kemungkinan mereka ini berasal dari keturunan Cina Muslim yang sama (Hew, 2004).

Selain itu, pemberian nama Melayu oleh sahabat atau kenalan Melayu juga memainkan peranan penting dalam proses asimilasi. Ia menunjukkan penerimaan dan sokongan masyarakat Melayu terhadap mualaf, serta membantu mereka merasa lebih selesa dan diterima dalam komuniti baru mereka. Apabila seorang mualaf diberi nama seperti "Mek Yang" oleh rakan Melayu mereka, ia menunjukkan bahawa mereka telah diterima sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu dan diberi identiti baru yang sesuai dengan budaya dan agama mereka. Bagi masyarakat Cina Kelantan, pengaruh dialek Melayu Kelantan dapat dilihat menerusi penggunaan nama 'Mek'. Menurut Ahmad et al. (2011) pemilihan nama menyebabkan mereka mudah dikenali oleh masyarakat Kelantan yang lain. Golongan mualaf Kelantan mempunyai keunikan kerana menggunakan nama gelaran yang berunsurkan kemelayuan.

Bagi golongan mualaf Kelantan, pengaruh dialek Melayu Kelantan dapat dilihat menerusi penggunaan nama bagi lelaki pula ditukar kepada bunyi yang lebih berbunyi Melayu seperti 'Lee' menjadi 'Ali' dan 'Wang' menjadi 'Awang'. Contohnya, apabila seorang mualaf Cina menukar nama mereka daripada "Lee Ah Kow" kepada "Muhammad Ali", ia menunjukkan bahawa mereka telah memeluk agama Islam dan ingin dikenali sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu. Nama "Muhammad Ali" tidak hanya mencerminkan identiti agama mereka, tetapi juga menunjukkan pengaruh budaya Melayu, kerana "Muhammad" adalah nama yang biasa digunakan oleh orang Melayu dan "Ali" adalah versi Melayu untuk nama Cina "Lee" (Abdullah et al., 2024).

Kesimpulannya, peranan nama dalam proses asimilasi mualaf Kelantan adalah sangat penting. Ia bukan sahaja menandakan penyesuaian dengan budaya dan agama baru, tetapi juga mencerminkan dwi identiti mereka terdiri daripada latar belakang etnik yang berbeza dan Muslim. Pengekalan *surname*, penggunaan nama Melayu, dan pemberian nama oleh masyarakat Melayu semuanya memainkan peranan dalam membantu mualaf Kelantan menyesuaikan diri dengan identiti baru mereka sambil mengekalkan hubungan dengan warisan mereka. Ini menunjukkan bahawa asimilasi adalah proses yang kompleks dan pelbagai dimensi, yang melibatkan penyesuaian budaya, agama, dan sosial.

Asimilasi Perkahwinan

Asimilasi budaya ini juga telah mengalakkan perkahwinan campur dalam kalangan mualaf di Kelantan. Ini kerana kebanyakan mualaf Kelantan memilih pasangan hidup dalam kalangan masyarakat kaum Melayu (Zainudin & Abdullah, 2018). Perkahwinan campur antara mualaf dan masyarakat Melayu Kelantan juga menjadi perkara biasa di Kelantan. Jika dilihat dari segi pendidikan, corak penempatan yang dikelilingi oleh masyarakat Melayu Kelantan, jenis pekerjaan, bahasa pertuturan, taraf kehidupan serta gaya hidup mereka, didapati bahawa kesemua ciri-ciri ini adalah sama dengan masyarakat Melayu kesan daripada asimilasi budaya. Perkahwinan campur ini lebih mudah berlaku apabila kedua-dua pasangan ini mempunyai persamaan terutamanya dari segi agama. Perkahwinan campur telah mewujudkan budaya baru dalam kalangan mualaf dan masyarakat Melayu Kelantan.

Sebahagian mualaf melihat perkahwinan campur sebagai sesuatu yang positif kerana dapat mengeratkan perpaduan etnik,

memperluaskan umat Islam. Menurut Hin Fui (1983) terdapat mualaf muslim, khususnya yang berkahwin campur dan tinggal di kawasan majoriti Melayu, pergi ke masjid, makan dan menjalankan kerja gotong-royong bersama-sama dengan masyarakat Melayu. Oleh itu, terdapat ramai mualaf Kelantan yang sudah pun mesra bergaul dengan orang Melayu sebelum mereka memeluk Islam. Dalam Islam, perkahwinan campur dengan kaum dan negara yang lain adalah dibolehkan dan tidak dilarang dengan syarat pasangan yang ingin dinikahi itu adalah wajib beragama Islam. Hal ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 2: 221

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengahwini wanita-wanita musyrik sehingga mereka beriman, sesungguhnya seorang hamba yang mukmin itu lebih baik daripada wanita yang musyrik meskipun kamu menyukainya Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mukmin) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya budak yang mukmin lebih baik dari orang musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan ampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menerangkan ayat-ayat-Nya (perintah-perintah-Nya) kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran.”

Kebanyakan mualaf mengahwini orang Melayu disebabkan oleh pergaulan mereka yang erat dengan orang Melayu sama ada sebelum atau selepas memeluk Islam. Persamaan agama dan budaya Melayu yang telah lama mereka amalkan mempercepatkan proses asimilasi. Perkahwinan campur dianggap sebagai petunjuk asimilasi yang terbaik dan perkahwinan campur ini dapat dianggap sebagai ujian yang amat penting kepada perpaduan kumpulan (Osman, 1989).

Halangan Asimilasi Budaya Mualaf dengan Orang Melayu di Kelantan

Halangan asimilasi budaya mualaf dengan orang Melayu di Kelantan merupakan satu isu yang kompleks dan mencabar. Walaupun Kelantan terkenal sebagai sebuah negeri yang kuat pegangan Islamnya, proses asimilasi mualaf dalam masyarakat Melayu tidaklah semudah yang disangka. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada halangan ini, antaranya:

Sikap Eksklusif Orang Melayu

Menurut Giok Hun (2012), masyarakat Melayu Kelantan terutamanya di kawasan luar bandar, cenderung untuk bersikap lebih terbuka dengan orang sekampung dan lebih tertutup dengan orang luar, termasuk dari etnik lain. Sikap ini menyukarkan proses asimilasi mualaf kerana mereka mungkin dilihat sebagai 'orang asing' walaupun telah memeluk agama Islam. Contohnya, seorang mualaf Cina yang baru berpindah ke sebuah kampung di Kelantan mungkin menghadapi kesukaran untuk diterima sepenuhnya oleh komuniti Melayu setempat, walaupun beliau telah mengucap syahadah dan menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim.

Perbezaan Amalan dan Kepercayaan Tradisional

Selain itu, Puteh (2002) menyatakan bahawa sesetengah mualaf, khususnya dari kalangan Orang Asli, masih mengamalkan ajaran dan kepercayaan lama seperti memakan daging babi, minum arak, dan menyembah roh nenek moyang. Ini kerana mualaf Orang Asli juga merupakan sebahagian daripada populasi mualaf di Kelantan. Amalan ini sudah sebatи dalam kehidupan mereka sejak turun-temurun dan sukar untuk ditinggalkan serta-merta selepas memeluk Islam. Situasi ini boleh

menimbulkan salah faham dan konflik dengan masyarakat Melayu yang melihat amalan tersebut sebagai bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, seorang mualaf Orang Asli yang masih memakan daging babi mungkin dianggap sebagai 'tidak menghormati' agama Islam oleh sesetengah orang Melayu, walaupun hakikatnya beliau masih dalam proses pembelajaran dan adaptasi.

Kurangnya Sokongan dan Bimbingan Berterusan

Proses asimilasi budaya mualaf memerlukan sokongan dan bimbingan berterusan daripada masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah mualaf yang kurang mendapat perhatian dan bantuan selepas memeluk Islam. Mereka mungkin dibiarkan 'keseorangan' untuk menjalani kehidupan sebagai Muslim, tanpa panduan yang mencukupi tentang ajaran dan amalan Islam. Situasi ini boleh menyebabkan mualaf berasa tersisih dan sukar untuk berintegrasi dengan masyarakat Melayu. Sebagai contoh, seorang mualaf yang tidak mempunyai keluarga atau rakan Muslim mungkin menghadapi kesukaran untuk mempelajari cara solat, membaca al-Quran, atau memahami konsep-konsep asas dalam Islam tanpa bimbingan yang sewajarnya.

Bagi mengatasi halangan-halangan ini, pelbagai pihak seperti institusi agama seperti Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), PERKIM, Jabatan Kemajuan Orang Asli Kelantan (JKOA Kelantan) MACMA, IDIP dan masyarakat Melayu perlu berganding bahu dalam menyokong proses asimilasi budaya mualaf. Pendekatan yang lebih inklusif, bertoleransi, dan prihatin terhadap keperluan mualaf perlu dipupuk. Contohnya, menganjurkan aktiviti silang budaya yang melibatkan mualaf dan orang Melayu, menyediakan program bimbingan

agama yang komprehensif, serta mewujudkan sistem sokongan 'buddy' untuk mualaf. Melalui usaha-usaha ini, jurang antara mualaf dan masyarakat Melayu dapat dirapatkan, sekaligus memudahkan proses asimilasi budaya. Kesimpulannya, halangan asimilasi budaya mualaf dengan orang Melayu di Kelantan merupakan satu isu yang perlu ditangani secara holistik dan berterusan. Ia memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat, serta kesedaran untuk bersikap lebih terbuka dan inklusif terhadap kepelbagaiannya latar belakang mualaf. Dengan pendekatan yang bijaksana dan penuh hikmah, halangan-halangan ini mampu diatasi demi mewujudkan suasana harmoni dan perpaduan dalam masyarakat.

Cabarani Masa Depan

Proses asimilasi budaya mualaf dengan masyarakat Melayu di Kelantan telah menunjukkan banyak kemajuan, namun cabaran masa depan tetap wujud seiring perubahan sosial, budaya, dan politik. Beberapa cabaran utama yang dihadapi dalam proses ini adalah:

Perubahan Sosio-Budaya dan Globalisasi

Pengaruh globalisasi boleh mengubah identiti budaya masyarakat, termasuk Melayu dan mualaf. Masyarakat mungkin terdedah kepada budaya luar yang dapat melonggarkan pegangan kepada nilai-nilai tradisional, termasuk adat dan amalan Islam. Ini mungkin menyukarkan usaha mengekalkan nilai asimilasi tradisional yang menjadi ciri penting masyarakat Melayu di Kelantan.

Pemodenan dan Tekanan Identiti

Dengan pemodenan yang semakin pantas, mualaf mungkin mengalami tekanan untuk menyesuaikan diri dengan identiti Islam-

Melayu di Kelantan, terutamanya dalam menyeimbangkan antara pemodenan dan tradisi. Sesetengah golongan mungkin berasa terasing jika tidak dapat mengikuti tuntutan agama atau budaya secara sempurna, yang boleh merumitkan proses integrasi mereka dalam masyarakat.

Integrasi Generasi Muda

Generasi muda mualaf mungkin menghadapi kesukaran untuk mengekalkan amalan dan budaya tradisional yang diserap daripada masyarakat Melayu, khususnya apabila mereka terdedah kepada gaya hidup yang lebih moden dan global. Penekanan terhadap pendidikan agama dan penghayatan budaya tradisional perlu ditingkatkan untuk memastikan kesinambungan proses asimilasi yang harmoni.

Cabar Teknologi dan Media Sosial

Teknologi dan media sosial memainkan peranan besar dalam membentuk pandangan masyarakat terhadap identiti agama dan budaya. Bagi mualaf, penyebaran maklumat yang tidak tepat tentang Islam atau budaya Melayu boleh menjadi halangan dalam memahami dan menghayati agama serta budaya dengan lebih mendalam.

Dalam mengatasi cabaran-cabaran ini, usaha menyeluruh yang melibatkan masyarakat, institusi agama, dan kerajaan perlu ditingkatkan. Aktiviti silang budaya, program bimbingan agama yang berterusan, dan dialog antara komuniti adalah langkah-langkah penting yang boleh diambil bagi memastikan proses asimilasi ini berterusan dan mencapai kejayaan jangka panjang.

Kesimpulan

Realitinya di sini, berlakunya proses asimilasi di antara mualaf dengan Orang Melayu Kelantan dan hubungan kedua-dua komuniti ini dapat dijalinkan dengan baik terutamanya dari sudut budaya. Namun tidak dinafikan bahawa wujud juga kekurangan dan halangan terhadap proses asimilasi ini yang boleh ditambah baik melalui pembinaan persefahaman di antara mualaf dan orang Melayu dari semasa ke semasa. Mungkin terdapat beberapa kelemahan, namun ianya tidaklah sampai menjadi tembok besar sehingga memisahkan mereka sepenuhnya. Asimilasi antara mualaf dan Melayu yang berlaku juga memainkan peranan yang cukup besar sehingga membawa kepada tahap keharmonian antara masyarakat yang ada sekarang di negeri Kelantan.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Irwan, M. S., Mahazan, A. M., Shah, N. R., Azdi, W. M. F., WR, R. I. I., & Ismail, N. (2015). Skim Bantuan zakat asnaf mualaf: Satu analisis kontemporari di Malaysia (*In Malay*).
- Abdullah, N., Ng, S. B., Awang, A., & Mat, A. C. (2024). Chinese muslims and their non-muslim families on muamalat fiqh co-existence (Ta'ayush). Global Journal Al-Thaqafah, (GJAT) Jun 2024 Special Issue: 49-66 (*In Malay*).
- Ahmad, M. N., Dollah, H., & Kok Seong, T. (2011). Penghayatan tradisi lisan Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Kelantan. Jurnal Melayu (8) 2011: 111 – 132 (*In Malay*).
- Ahmad, N. A., & Che Adnan, A. (2022). Impak budaya Melayu dan budaya Islam terhadap golongan mualaf di Negeri Perlis. International Journal of Social Science Research, 4(3): 168- 180 (*In Malay*).

Ahmad, N. M. (2020). Definisi Melayu dalam perlembagaan Malaysia dan kesannya terhadap kefahaman dan amalan ajaran Islam di Malaysia: The definition of Malay on Malaysian constitution and its effect towards Islamic understanding and practice in Malaysia. *Sains Insani*, 5(2): 9-16.

Alias, B., Ismail, H., & Lateh, N. (2017). Buku revisi: Hubungan etnik di Malaysia. Shah Alam: Oxford Fajar.

Ani, F., Yusoff, R. M., Damin, Z. A., Jaes, L., Johar, S. S., Nordin, S. R. A., & Ismail, F. (2018). Menyelusuri asimilasi budaya kaum orang Asli Suku Kuala di Sungai Layau, Kota Tinggi. *Human Sustainability Procedia (In Malay)*.

Baharudin, N. I. (2015). Kedudukan mualaf dalam pewarisan harta pusaka dan pelaksanaannya di Malaysia. Disertasi Sarjana Pengajian Islam. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Chee Beng, T. (1983). Acculturation and the chinese in Melaka: The expression of Baba identity today. (dalam). Gosling, P. & Lim. L.Y.C. (Pnyt.). *The Chinese in Southeast Asia: Identity, Culture and Politics*, hlm. 56-78. Singapore: Mazuren Asia.

Dollah, H. (1986). Asimilasi budaya: Kajian kes komuniti Cina di Kelantan. Monograf 12, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Don, A. G., Muhamat, R., Hamjah, S. H., Sham, F. M., Nasir, B. M., Ashaari, M. F., & Abd Ghani, M. Z. (2012). Da'wah through social services method: The

experience of the Department of Da'wah and Leadership Studies, National University of Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(4): 545-549.

Fasold, R. (1984). *The sociolinguistics of society*. Oxford: Basil Blackwell.

Fatah, M. F. A., & Ashaari, M. F. (2020). Asimilasi masyarakat Cina dengan orang Melayu di Kelantan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 186-198 (*In Malay*).

Giok Hun, P. (2012). Peranakan sebagai fenomena sosial dengan tumpuan kepada komuniti Cina Peranakan di Kelantan. Tesis Dr. Fal, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Halim, A. A. (2019). Kaedah pengajaran dan pembelajaran fardu ain dalam kalangan mualaf dewasa di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Selangor (*In Malay*).

Hamjah, S.A & Ismail, A. (2010). Cabaran dan strategi dakwah kepada non-Muslim dalam kaunseling. (dalam) Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Salasiah Hanin Hamjah, Abd. Ghafar Don & Othman Hj. Talib (Pnyt.). *Dakwah multi etnik*, hlm. 258-272. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Hamzah, T. N. T. (2006). Saudara baru di Kelantan: Suatu kajian mengenai dorongan dan cabaran di Kota Bharu, Kelantan. Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur (*In Malay*).

Hew, W. W. (2004). Penamaan dan identiti Cina Muslim: Pensempadanan, perundingan dan kacukan identiti di. In Conference 4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004,

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (*In Malay*).

Hidayat, R. (2019). Manajemen dakwah bil lisan perspektif hadits. *Jurnal Al-Tatwir*, 6(2): 33-50. <Https://Doi.Org/10.35719/Altatwir.V6i1.3> (*In Malay*).

Hin Fui, L. (1983). Kajian tentang identiti dan pertubuhan pemeluk-pemeluk agama Islam di Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (*In Malay*).

Ismail, Z., & Ahmad, W. I. W. (2009). Populasi Cina di Malaysia : Kepelbagaian agama dan penerimaan ke atas Cina Muslim. *Al-Hikmah*, 1: 125-142 (*In Malay*).

Jabatan Statistik Malaysia. (2010). Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, agama, jantina dan negeri, Malaysia (*In Malay*).

Kamus Dewan. (2002). Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustakan (*In Malay*).

Kartomihardjo, S. (1981). Etnography of communicative codes in East Java. Disertasi. Pasific Linguistics, The Australian National University, Canberra.

Kasimin, A. (1985). Saudara baru Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Koentjaraningrat. (1990). Sejarah teori antropologi II. Jakarta: UI-Press (*In Malay*).

MAIK. (2017-2023). Laporan pengislaman saudara baharu MAIK (*In Malay*).

Mohamad, N., & Abd Majid, M. (2017). Aplikasi konsep hikmah dalam pengajaran saudara baharu: Kajian di Institut Latihan Dakwah Selangor (Ildas).

Mohamed, Y., Don, A. G., & Muhamat, R. (2018). Pengurusan dakwah Orang Asli oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Orang Melayu Kelantan (Maik). *Al-Hikmah*, 10(2): 70-85 (*In Malay*).

Muhamat, R., & Don, K. A. G. (2016). Assimilation of Chitty ethnic in Malaysia. *Ponte International Journal of Science and Research*, 72(12): 270-287.

Muhamat, R., Don, A. G., & Mohamad, A. D. (2012). Dakwah kepada golongan muallaf Orang Asli di Kelantan. *Al-Hikmah*, 4: 87-105 (*In Malay*).

Muhammad, R., Zahari, M. S. M., Shariff, M. S. M., & Abdullah, K. M. (2016). Malaysian foodways: Acculturation/assimilation towards authenticity sustainability among diasporic community. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 222: 367-373.

Ngeow, Y.M. (2004). Minority in an 'Islamic State': Response of the chinese toward Islamisation policies in Kelantan. Tesis Ph.D. Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya.

Nor, M. R. M., & Hasan, H. (2010). Kebolehan bahasa masyarakat Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Usuluddin*, 31: 115-133 (*In Malay*).

Osman, S. (1989). Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Puteh, A. (2002). Saudara baru Cina di Malaysia: Kepentingannya dalam konteks dakwah. (dalam). Dakwah kepada masyarakat Muslim di Malaysia. Sulaiman

Ibrahim, Othman Talib & Anuar Puteh. hlm. 133. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Rahman, A. A., Subri, I. M., Mutalib, M. A., Razali, W. M. F. A. W., Dali, N. R. S. M., Ibrahim, R. I., & Ismail, N. (2015). Indeks pengukuran pnenetuan had tempoh mualaf di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1): 39-63.

Rahman, H, A., Ahmad, N., & Wahab, S,R, A. (2009). Konsep-konsep asas hubungan etnik (dalam). Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman. (2009). Hubungan etnik di Malaysia: Perspektif teori dan praktik, hlm 1-15. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (*In Malay*).

Rosli, R. (2016). Kertas kerja yang dibentang di Seminar Mahasiswa Internasional Serentak Lima Fakulti. Tema Jejak Warisan Ilmu Islam. Fakulti Fakulti Syariah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Aceh Ar-Raniry (*In Malay*).

Rosli, R. (2017). Metodologi dakwah Malaysian Chinese Muslim Association (Macma) Kelantan kepada mualaf. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Rozin, P. (2006). The integration of biological, social, cultural and psychological influences on food choice. In R. Shepherd & M. Raats (Eds.), *The Psychology of Food Choice* (Pp. 19-39). UK: CAB International.

Saat, I. (2023). Cabaran interaksi, intergrasi dan asimilasi antara pribumi (Melayu) dengan imigran di Malaysia: Challenges of interaction, integration, and assimilation of Pribumi and immigrants in Malaysia. *SEJARAH: Journal of The Department of History*, 32 (2 (December) (*In Malay*).

Singh, H. (2001). Ethnic conflict in Malaysia revisited. *Commonwealth & Comparative Politics*, 39(1): 42–65. <https://doi.org/10.1080/71399532>

Teo Kok Seong. (2003). The peranakan Chinese of Kelantan: A study of cultural, language and communication of an assimilated group in Malaysia. London: Asean Academic Press.

Wai Weng, H. (2014). Identiti Cina Muslim di Malaysia perempadanan perundingan & kacukan budaya. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Yahya, M. (1998). Islam di alam Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka (*In Malay*).

Zainudin, W. Z. N. W., Abdullah, N. A. T. M. I., @ Poa, T. A. (2018). Dakwah kepada saudara baru di Kelantan. *Fikiran Masyarakat*, 6(3): 106-110 (*In Malay*).

Zamzuri, N. Z. A., Osman. K. (2022). Pendekatan dakwah terhadap golongan mualaf. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah, Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman (*In Malay*).